

21/07/1999

Kamaruddin Jaafar sertai Pas

TUMPAT, Selasa - Bekas Ketua Umno bahagian Tumpat, Datuk Kamaruddin Jaafar, yang dipecat Majlis Tertinggi (MT) Umno pada 5 Julai lalu, malam ini mengisytiharkan menyertai Pas.

Pengumuman itu dibuat Kamaruddin di hadapan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor dan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, yang juga Mursyidul Am Pas pada majlis ceramah di Tanjung Kuala, di sini.

Beliau berkata: "Saya dengan ini di hadapan Fadzil, tok guru dan tuan-tuan menyatakan pendirian saya mengisytiharkan hasrat menyertai Pas.

"Saya berharap sebagai insan yang kerdil ini dapat memberi sumbangan yang termampu kepada Pas," katanya.

Kamaruddin, 46, menyertai Umno pada 1986 dan pernah memegang jawatan Naib Ketua Umno bahagian Tumpat sebelum menerajui bahagian itu mulai 1998.

Pelantikan beliau sebagai Ketua bahagian itu dibuat apabila penyandang jawatan, Mansor Salleh, memberi laluan kepadanya selepas mencapai kata sepakat demi menjaga nama baik Umno dan perpaduan parti.

Keputusan itu juga selaras nasihat Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahu jawatan ketua bahagian di negeri itu tidak dipertandingkan, sebaliknya melalui proses perundingan.

Dengan keputusan itu, Mansor turun ke jawatan timbalan, manakala timbalan ketika itu, Mat Nawawi Mat Jusoh, naib.

Kamaruddin, rakan rapat bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebelum dipecat sebagai ahli Umno pada 5 Julai lalu, diletakkan di bawah pemerhatian MT, Disember lalu sebaik saja beliau dibebaskan dari tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Beliau yang juga Pengerusi Institut Kajian Dasar (IKD) dan bekas Setiausaha Agung Abim, kini menjadi tokoh korporat.

Namanya tertera dalam senarai saham dan pemberian projek kerajaan bernilai berbilion ringgit yang dikeluarkan Kementerian Kewangan pada Perhimpunan Agung Umno, baru-baru ini.

(END)